

MASALAH KONGSI GELAP DAN PERGADUHAN
ORANG-ORANG CINA DIKULIM, KEDAH PADA TAHUN 1888

KHADRI BIN MOHD. SALLEH



ARKIB

rb 01

1AC 895

M 22 K49

MASALAH KONGSI GELAP DAN PERGADUHAN ORANG-ORANG CINA
DI KULIM, KEDAH PADA TAHUN 1888.

OLEH

KHADRI BIN MOHD SALLEH

MATRIK NO: 13683

KAJIAN INI MEMENUHI KEPERLUAN SYARAT-SYARAT PENGKHUSUSAN SEJARAH
BAGI IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG.

1988/89.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Pengantar dan 1

Pengenalan 1

Bab I Kulim dari segi geografi dan sejarah orang-orang Cina di Kulim..... 1

Bab II Masalah kemudi jalan di Kulim..... 1

Bab III Perpaduan orang-orang Cina dan Melayu dan 1

Bab IV Pergerakan pedagang berbangsa Melayu dalam perdagangan orang-orang Cina di Kulim..... 1

Pemilihan 1

..... 1

Untuk isteri dan anak-anak.....Semoga keluarga kita diberkati selalu.

Lampiran-Lampiran:

Lampiran A: Nota mengenai orang-orang Melayu di Kulim dan daerah-daerah lain di negeri Kedah. Kuala Lumpur, 1955. 20 halaman. 2 Shawal 1305 (15 Jan 1985)..... 1

Lampiran B: Surat Sultan Abdul Hamid kepada Councilor Pulau Pinang bertarikh 4 Shawal 1305 (14 Feb 1889)..... 1

Lampiran C: Surat Sultan Abdul Hamid kepada Councilor Pulau Pinang bertarikh 2 Rajab 1306 (3 April 1889)..... 1

KANDUNGAN.

	<u>MUKA SURAT.</u>
Penghargaan	(i).
Pengenalan	(ii)-(vi).
Bab I Kulim dari segi geografi dan kegiatan orang-orang Cina di Kulim.....	1 - 8.
Bab II Masalah kongsi gelap di Kulim.....	9 - 15.
Bab III Pergaduhan orang-orang Cina di Kulim, Jun 1888.....	16 - 24.
Bab IV Tindakan-tindakan kerajaan Kedah selepas pergaduhan orang-orang Cina, Jun 1888....	25 - 35.
Penutup	36 - 38.
Bibliografi	39 - 40.

Lampiran-Lampiran:

Lampiran A: Peta menunjukkan kedudukan daerah Kulim dan daerah-daerah lain di Kedah	41.
Lampiran B: Surat Sultan Abdul Hamid kepada Resident Councillor Pulau Pinang bertarikh 2 Shawal 1305 (12 Jun 1888).....	42 - 44.
Lampiran C: Surat Sultan Abdul Hamid kepada Resident Councillor Pulau Pinang bertarikh 4 Shawal 1305 (14 Jun 1888).....	45 - 47.
Lampiran D: Surat Sultan Abdul Hamid kepada Resident Councillor Pulau Pinang bertarikh 2 Rejab 1306 (3 April 1889).....	48 - 49.

MUKA SURAT.

Lampiran E: Senarai nama orang-orang Cina yang
dihukum bersabit pergaduhan di Kulim.... 50 - 51.

Lampiran F: Gambar Almarhum Sultan Abdul Hamid
Halim Shah..... 52.

Pamflet ini diterbitkan oleh...

terhingga kepada... (1941)

Saya dan...

...

...

...

Akhir sekali...

.....000000.....

...

...

...

...

...

...

...

...

...

Kasri bin Mohd Salleh,
Pusat Pengajian Ilmu
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

PENGHARGAAN.

Terlebih dahulu penulis mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. kerana telah memberikan kekuatan kepada penulis untuk menyiapkan penulisan ini.

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kursus HSM 411 (Dokumen-Dokumen Dalam Sejarah Malaysia), Profesor Madya Dr. Cheah Boon Kheng di atas segala nasihat, bimbingan serta syor-syor yang berguna untuk panduan penyelidikan penulis sejak mula hinggalah penulisan ini selesai.

Akhir sekali ucapan terima kasih juga penulis tujukan kepada kakitangan-kakitangan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Arkib Negara Cawangan Kedah, Alor Setar, Perpustakaan Awam Alor Setar, Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan sepenuh kerjasama kepada penulis di sepanjang penulis menjalankan penyelidikan.

Budi baik semua pihak yang terlibat akan tetap terpahat di dalam lipatan sejarah hidup penulis.

Sekian, terima kasih.

Khadri bin Mohd Salleh,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.
1989.

PENGENALAN

Sejarah perkembangan kongsi-kongsi gelap di negeri-negeri Melayu pada abad ke 19 dan awal abad ke 20 memang sudah dikaji oleh ramai ahli sejarah dalam dan luar negeri. Salah seorang ahli sejarah Malaysia yang pernah menulis tentang kegiatan kongsi-kongsi gelap di negeri-negeri Melayu ialah Profesor Khoo Kay Kim di Universiti Malaya. Sementara itu di antara penulis-penulis barat yang pernah menulis tentang kongsi-kongsi gelap ialah seperti W.L. Blythe yang menulis The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya dan M.L. Wynne penulis karya Triad and Tabut. Penulisan Blythe lebih menekankan kegiatan kongsi-kongsi gelap di Pulau Pinang, Singapura, Selangor, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan. Beliau mengkaji organisasi, kegiatan, masalah-masalah yang diwujudkan oleh kongsi-kongsi gelap itu, tindakan-tindakan pentadbir Inggeris dalam usaha membanteras kegiatan-kegiatan itu dan beberapa pergaduhan atau rusuhan besar yang berlaku di antara kongsi-kongsi gelap. Wynne pula banyak menyentuh tentang kegiatan kongsi-kongsi gelap Cina dan penglibatan kongsi-kongsi gelap Melayu seperti Bendera Putih dan Bendera Merah pada abad ke 19. Daripada penulisan-penulisan ini serta daripada bahan-bahan bacaan yang lain, penulis dapati kegiatan kongsi gelap di Kedah kurang diberi perhatian.

Pada pandangan penulis masyarakat umum pada hari ini tidak ramai yang mengetahui tentang wujudnya kegiatan-kegiatan kongsi gelap di Kedah khususnya di Kulim pada abad ke 19. Beberapa karya sahaja yang menyentuh tentang peristiwa itu tetapi

secara ringkas sahaja, tidak secara mendalam. Di antara karya-karya itu ialah Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923 karangan Sharom Ahmat, Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah karangan Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad dan Sejarah Kedah karangan Buyong Adil. Jika dibuat perbandingan di antara ketiga-tiga karya tersebut, penulis lebih tertarik kepada karya Sharom Ahmat. Beliau telah menyentuh beberapa perkara tentang kongsi gelap dan pergaduhan orang-orang Cina di Kulim pada tahun 1888 dalam bab yang ke IV.

Di dalam bab berkenaan, Sharom menjelaskan secara ringkas kegiatan orang-orang Cina di Kulim, puak-puak yang bergaduh dan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak pentadbir Kedah untuk menjamin peristiwa itu tidak berlaku lagi.¹ Walau bagaimanapun Sharom tidak menjelaskan secara terperinci tentang detik-detik cemas dalam peristiwa pergaduhan tahun 1888, jumlah mereka yang terkorban, faktor-faktor yang mencetuskannya, kesan-kesan yang wujud daripada peristiwa itu dan kenapa pihak pentadbir Kedah begitu bersungguh-sungguh berusaha memadamkan pergaduhan tersebut.

Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad dan Buyong Adil telah menceritakan peristiwa pergaduhan itu secara amat ringkas sekali. Muhammad Hassan hanya memberi gambaran seperti berikut:

" Sa-bermula ini ia-lah darihal pergaduhan orang2 China di dalam bandar Kulim. Dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga

1. Sharom Ahmat, Tradition and Change in a Malay State: A Study of the Economic and Political Development, 1878-1923, Kuala Lumpur, MBRAS Monograph No. 12, 1984, ms. 89-92.

ratus lima (1305) pada dua puluh tujuh haribulan Ramadhan bersamaan 7 Jun tahun Masehi 1888 pergaduhan antara orang2 China sa-sama China itu bermula. Maka pergaduhan itu menjadi sa-makin melarat hingga ramai-lah di antara mereka itu yang mati. Pada ketika itu ramai-lah ra'ayat Kedah pergi menunggu jaga orang2 China itu. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan duli Tengku Ya'akob sendiri berangkat ka-sana hingga tertangkap segala kepala2 kongsi itu. Oleh yang demikian baharu-lah selesai pergaduhan itu. Sa-telah itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan duli Tengku Ya'akob berangkat balek ka-Kedah bersemayam di-istana Kota Setar. Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu tiada ia alpa dari ator mengator pekerjaan negeri. " 2

Buyong Adil di dalam karyanya, Sejarah Kedah hanya menulis:

" Dalam bulan Jun 1888 bersamaan tahun 1305 H, berlakulah pergaduhan kongsi gelap Cina di Kulim. Sultan Abdul Hamid dan Tunku Yaacob telah pergi ke Kulim memberhentikan pergaduhan itu. " 3

Demikianlah betapa ringkasnya penceritaan Muhammad Hassan dan Buyong Adil tentang pergaduhan di Kulim. Penceritaan yang ringkas ini adalah kerana karya-karya itu bukanlah merupakan penulisan yang mengkhusus tentang kongsi gelap di Kulim atau di Kedah. Sharom lebih banyak menumpukan perhatian kepada aspek-aspek ^{politik} dan ekonomi Kedah pada abad ke 19. Sementara Muhammad Hassan dan Buyong Adil pula banyak mengisahkan perkembangan politik silam negeri Kedah terutamanya tentang pemerintahan Kedah dari seorang sultan ke seorang sultan yang lain.

-
2. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, ms. 239.
 3. Buyong Adil, Sejarah Kedah, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, ms. 78.

Penulis berpendapat pendedahan tentang kegiatan kongsi gelap dan pergaduhan orang-orang Cina di Kulim 1888 ini belum lengkap dan perlu dikaji secara lebih mendalam. Di atas kesedaran inilah penulis tertarik untuk menulis tentang perkara ini.

Dalam bab I, penulis membicarakan tentang kedudukan pekan dan daerah Kulim dari segi geografi dan proses perubahannya daripada kawasan yang tidak menarik perhatian ramai menjadi kawasan tumpuan terutamanya orang-orang Cina selepas terjumpanya bijih timah pada awal abad ke 19.

Dalam bab II, penulis membincangkan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh kongsi gelap Cina di Kulim misalnya masalah jenayah, penyelewengan ke atas bijih timah dan candu serta masalah pelacuran.

Dalam bab III pula, penulis membincangkan tentang punca-punca pergaduhan 1888 dan tindakan pihak kerajaan Kedah semasa menghadapi detik-detik cemas itu.

Seterusnya di dalam bab IV, perbincangan ditumpukan kepada tindakan-tindakan pihak kerajaan Kedah selepas pergaduhan 1888 seperti membayar gantirugi kepada mereka yang mengalami kerugian akibat pergaduhan itu dan menempatkan satu pasukan polis di Kulim.

Akhirnya di dalam bahagian penutup, penulis membincangkan sebab-sebab kenapa Sultan Abdul Hamid memandang serius terhadap masalah kongsi gelap dan pergaduhan orang-orang Cina 1888 itu.

Sebagai mengakhiri ruangan ini penulis berharap agar penulisan ini akan dapat memberi munafaat kepada sesiapa jua.